

31 JAN 2000

Syed Hamid-Pelajar

JADIKAN PERTEMUAN DENGAN PELAJAR AMALAN BIASA, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Para pemimpin kerajaan perlu menjadikan perjumpaan dengan pelajar Malaysia satu kebiasaan ketika berurusan di luar negara bagi memberi penerangan tentang perkembangan semasa di tanah air, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Katanya peluang seperti itu perlu digunakan untuk memperbetulkan gambaran salah dan menangkis semangat kebencian terhadap pemimpin kerajaan dan negara termasuk yang disebar oleh pembangkang.

"Sebab itu penting sekali pemimpin-pemimpin kerajaan mengadakan pertemuan dengan penuntut kita di luar negara sebagai satu kebiasaan untuk menceritakan keadaan sebenar berkenaan negara kita," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan wakil khas Presiden Cuba, Miguel Ramirez Ramos yang mengunjunginya di Wisma Putra di sini.

Syed Hamid berkata kementerian itu sentiasa bersedia mengatur perjumpaan antara menteri dan pelajar Malaysia di luar negara.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di London semalam bahawa budaya tidak mahu berterima kasih dan usaha menanam perasaan benci kepada orang tertentu akan menghancurkan masyarakat.

Syed Hamid berkata golongan pembangkang dan sesetengah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) begitu aktif merapatkan diri dengan pelajar di luar negara dengan harapan mereka akan mengikuti perjuangan pembangkang apabila kembali ke Malaysia nanti.

"Mereka banyak memberikan gambaran dan fakta negatif mengenai Malaysia untuk mewujudkan persepsi (tertentu) bertujuan menanam semangat kebencian terhadap pemimpin negara yang dikatakan telah menyalahgunakan kuasa dan rasuah.

"Dan dengan itu pelajar sebagai golongan yang mempunyai idealisme, cuba dipengaruhi golongan ini dan ada yang terpengaruh," katanya.

Syed Hamid berkata strategi melahirkan kebencian ini digunakan secara mendalam lebih-lebih lagi ketika pilihan raya dengan tujuan untuk menjatuhkan kerajaan.

Menurutnya para pemimpin kerajaan perlu berinteraksi dengan pelajar dengan menjawab segala soalan yang dikemukakan secara bijak.

Beliau memberi contoh pertemuannya dengan lebih 1,000 pelajar Malaysia ketika berkunjung ke Mesir baru-baru ini.

Syed Hamid berkata pengaruh pembangkang boleh dilihat berdasarkan bentuk soalan yang dikemukakan oleh para pelajar terbabit.

"Di Mesir, saya dapati mereka sekurang-kurangnya sedia mendengar pandangan kita dan tidak meninggalkan dewan.

"Mereka berminat untuk mengetahui (mengenai perkembangan yang berlaku dalam negara) dan tugas kita ialah cuba memberi penjelasan, memberi rational kepada mereka. Mereka mahu merasakan mereka juga penting. Kita tidak boleh mengetepikan sebarang isu yang mereka kemukakan," katanya.

Beliau menegaskan bahawa tidak semula pelajar menentang kerajaan.

-- BERNAMA

MAM LAT